



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 43

Khamis

9 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Kelas Tuisyen dan Kutipan Bayaran Yang Dikenakan
oleh Pihak Sekolah Kepada Ibu Bapa**
– YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)

[Halaman 1]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 9 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Kelas Tuisyen dan Kutipan Bayaran Yang Dikenakan
oleh Pihak Sekolah Kepada Ibu Bapa**

2.33 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak SJKC di Selangor, Johor dan sebagainya didapati mengadakan kelas tuisyen atau kelas bimbingan kepada murid-murid mereka. Objektif utama kelas tuisyen ini kononnya adalah untuk menghabiskan *syllabus* mata pelajaran. Alasan yang diberi oleh pihak sekolah adalah kebanyakan guru mengalami kesuntukan masa untuk menghabiskan kesemua *syllabus* mata pelajaran. Justeru, pihak sekolah terpaksa mengadakan kelas tuisyen.

Sebahagian kelas tuisyen ini diadakan pada ruang waktu Pelajaran dan Pembelajaran (PnP) rasmi, ada juga yang menggunakan ruang waktu selepas sesi persekolahan. Mata pelajaran yang ditawarkan termasuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Matematik dan Sains. Kehadiran murid ke kelas tuisyen tersebut adalah diwajibkan oleh pihak sekolah.

Cuti persekolahan bakal menjelma tiba dan masalah kelas tuisyen ini nampaknya semakin tidak terkawal kerana terdapat beberapa SJKC sekarang mewajibkan murid-murid untuk menghadiri kelas tuisyen semasa cuti sekolah dan *syllabus* PnP yang bakal diajar tidak akan diulang semula pada semester yang baru.

Sebagai contohnya, SJK(C) Puay Chai 2 di Selangor mengadakan Kelas Bimbingan Tahun 5 semasa cuti hujung tahun dan meminta sumbangan kos pengendalian yang sebanyak RM120 daripada ibu bapa manakala SJK(C) Foon Yew 4

di Johor juga menganjurkan kelas bimbingan akhir tahun untuk murid Tahun 3 hingga Tahun 5 selama 12 hari dengan caj RM50 setiap murid.

Sekiranya pihak ibu bapa tidak mahu atau tidak mampu membayar yuran kelas tuisyen itu akan menyebabkan anak mereka ketinggalan dalam pelajaran. Secara tidak langsung pihak ibu bapa terpaksa membayar walaupun terpaksa bertungkus lumus bekerja siang dan malam demi ingin melihat anak mereka menuntut ilmu dengan sempurna. Tanpa disedari situasi ini juga akan menyebabkan penambahan beban kewangan kepada ibu bapa yang menanggung anak yang ramai.

Selain itu, kaedah pihak sekolah yang menguruskan kelas tuisyen ini telah membebankan para murid kerana terpaksa menghadiri kelas tuisyen semasa cuti persekolahan. Walhal waktu cuti persekolahan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk berehat dan menenangkan fikiran setelah bertungkus lumus sepanjang tahun. Soalan saya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia:

- (i) adakah pihak sekolah mempunyai kuasa untuk mewajibkan para murid untuk menghadiri kelas tuisyen mahupun semasa waktu persekolahan ataupun semasa cuti persekolahan;
- (ii) adakah pihak sekolah berhak untuk mengutip bayaran untuk kelas tuisyen atau kelas bimbingan tersebut;
- (iii) adakah benar bahawa *syllabus* mata pelajaran sedia ada adalah terlampau banyak dan menyebabkan SJKC terpaksa mengadakan kelas tuisyen; dan
- (iv) adakah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1997 berkaitan Program dan Aktiviti Sekolah Yang Melibatkan Dasar dan Atau Pungutan Wang masih dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah atau Bahagian dan sekolah.

Sekian. Terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kulai mengenai Isu Kelas Tuisyen dan Kutipan Bayaran yang Dikenakan oleh Pihak Sekolah Kepada Ibu bapa.

Transformasi pendidikan di Malaysia membuka ruang untuk kepelbagaian program dan aktiviti di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyokong pihak sekolah dalam melaksanakan program atau aktiviti untuk meningkatkan pencapaian murid. Kementerian Pendidikan Malaysia amat menghargai, sokongan daripada pihak PIBG dan komuniti yang telah banyak membantu dalam program kecemerlangan akademik sekolah. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memastikan semua pihak mematuhi peraturan pendidikan sedia ada agar objektif utama untuk melihat keberhasilan murid tidak tersasar daripada landasan sebenarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli di Dewan ini, kelas tuisyen merupakan inisiatif pihak sekolah untuk memberi nilai tambah atau peneguhan kepada akademik murid melalui pelaksanaan kelas tambahan di luar waktu rasmi sekolah. Pelaksanaan kelas tambahan tersebut tidak diwajibkan oleh peruntukan undang-undang di bawah Akta 550 mahupun peraturan-peraturan pendidikan yang bersangkutan dengan akta tersebut. Kelas tuisyen dilaksanakan berdasarkan inisiatif guru-guru, pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG). Peruntukan untuk program tuisyen kepada murid-murid banyak disumbangkan oleh PIBG, pemimpin politik setempat, badan korporat atau GLC.

Tuan Yang di- Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyiasat dakwaan Ahli Yang Berhormat Kulai yang mengatakan sebahagian kelas tuisyen diadakan pada waktu pembelajaran dan pengajaran (PdP) rasmi, terutama di SJK(C) Puay Chai 2 di Selangor dan SJK(C) Foon Yew 4 di Johor. Hasil siasatan mendapati guru dan sekolah tersebut mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sebenarnya guru bukan sahaja terikat dengan peraturan sedia ada, malahan guru juga melaksanakan PdP berdasarkan jadual waktu yang ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah dengan diselia dan dipantau oleh Pejabat Pendidikan Daerah serta Jabatan Pendidikan Negeri.

Pihak sekolah tersebut mengambil inisiatif mengadakan kelas tambahan dengan kerjasama PIBG. Keperluan kelas tambahan ini dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat AJK PIBG sekolah dan Mesyuarat Unit Bimbingan PIBG sekolah. Tegasnya, kelas tambahan dilaksanakan atas persetujuan pihak sekolah dan ibu bapa atau penjaga. Isu paksaan dan membebankan ibu bapa tidak sepatutnya timbul kerana pihak PIBG dan sekolah tidak mewajibkan penyertaan kelas tuisyen kepada semua murid. Penyertaan murid dalam kelas tuisyen adalah atas persetujuan atau pilihan ibu bapa. Kelas dilaksanakan di luar waktu PdP tanpa menjejaskan waktu rasmi

bertugas guru. Jadual bagi pelaksanaan kelas tuisyen juga disesuaikan dan diawalkan bagi memastikan guru dan murid mendapat cuti yang secukupnya.

Berdasarkan peraturan sedia ada, sebarang kutipan wang melibatkan aktiviti anjuran PIBG termasuk kelas tuisyen perlu mendapat kelulusan Pendaftar. Kutipan yuran kelas tuisyen tidak boleh diakaunkan ke dalam mana-mana akaun sekolah. Pengurusan kewangan bagi kelas tambahan dikelolakan oleh PIBG sekolah sepenuhnya.

Kos pengendalian dan yuran kelas tambahan juga perlu mendapat persetujuan ibu bapa dalam mesyuarat PIBG. Perlu dijelaskan di sini bahawa yuran yang dikenakan kepada murid yang terlibat secara sukarela adalah untuk menampung modul pembelajaran yang dibangunkan oleh guru-guru mengikut tahap kebolehan murid. Pihak sekolah dan PIBG juga mempunyai kaedah tersendiri untuk membantu murid-murid keluarga miskin daripada tercicir daripada aktiviti sekolah termasuk kelas tuisyen.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab persoalan Yang Berhormat Kulai, adakah sukatan mata pelajaran sedia ada terlampau banyak dan menyebabkan SJKC terpaksa mengadakan kelas tuisyen? Untuk makluman semua, pembangunan kurikulum memberi tumpuan kepada pembelajaran dan keberhasilan dan keberhasilan murid seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kurikulum menekankan seseorang murid menerima pendidikan yang menyeluruh dan seimbang dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Pelaksanaan kurikulum kebangsaan berpandukan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 2 Tahun 2013: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap II Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2014 dan Surat Pekeliling Iktisas KPM Bil. 8 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017. SPI yang dimaksudkan dengan jelas memperuntukkan waktu minimum pelaksanaan suatu mata pelajaran sebagai rujukan kepada pihak sekolah untuk membangunkan jadual waktu rasmi sekolah sesuai dengan keperluan dan spesifikasi kurikulum mata pelajaran yang ditawarkan.

■1440

Oleh itu, peruntukan waktu yang disediakan bagi setiap mata pelajaran ditawarkan dalam kurikulum kebangsaan di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan termasuk SJK(C) adalah mencukupi bagi keperluan PdP mata pelajaran tersebut untuk satu tahun persekolahan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia memberi jaminan bahawa Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1997

berkaitan Program dan Aktiviti Sekolah Yang Melibatkan Dasar dan Atau Pungutan Wang masih berkuat kuasa dan perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan.

SPI ini dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Bahagian dan sekolah supaya sentiasa merujuk dan mematuhi dasar, syarat atau peraturan yang sedia ada apabila ingin melaksanakan apa jua program atau aktiviti di sekolah. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang percanggahan dengan mana-mana dasar, syarat atau peraturan yang ditetapkan mengenainya.

Dalam keadaan di mana program atau aktiviti yang hendak dijalankan itu tidak tertakluk di bawah mana-mana syarat atau peraturan yang sedia ada, atau timbul keraguan mengenai bidang kuasa, hak atau peruntukan sah mengenainya, maka permohonan bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Semua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai sememangnya dalam kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui jentera pelaksana dan pemantauan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah.

Pemantauan dan penaziran sentiasa dilakukan untuk memastikan kurikulum, kokurikulum dan aktiviti tambahan atau luar sekolah termasuk kelas tuisyen mematuhi peraturan dan garis panduan yang disediakan. Pentadbir sekolah juga membuat penilaian sendiri melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 yang diverifikasikan oleh Jemaah Nazir dan Kawalan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam usaha berterusan meningkatkan keberhasilan murid dan kualiti pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa membuka ruang kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta selaras dengan Anjakan kesembilan, PPPM 2013-2025. Kerjasama yang baik dengan semua pihak akan memastikan kelangsungan pendidikan anak-anak di Malaysia negara tercinta ini.

Namun, Kementerian Pendidikan Malaysia sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang berhasrat untuk mengaut keuntungan daripada program atau aktiviti sekolah. Kebajikan dan keselamatan murid serta demokrasi pendidikan menjadi agenda utama kementerian melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kulai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 13 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.43 petang]